

SULIT

1103/1

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

2 JAM

NAMA:

TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2023
TINGKATAN 5**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

2 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. **Jawab soalan Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B**.

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.**Anda dikehendaki membalas satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.***E-mel 1**

Daripada :	sara@gmail.com
Kepada :	deja@gmail.com
Subjek :	Aktiviti Kokurikulum

Salam mesra sahabatku, Deja.

Apa khabar awak dan keluarga di sana? Semoga awak dan keluarga dalam keadaan sihat selalu.

Beberapa hari yang lalu, saya telah melihat gambar-gambar aktiviti kokurikulum di sekolah yang telah awak muat naik di TikTok. Bolehkah awak berkongsi dengan saya tentang faedah-faedah aktiviti perkhemahan dan kawad kaki yang telah awak sertai?

Saya menantikan balasan e-mel daripada awak.

Sahabatmu,
Sara

E-mel 2

Daripada :	hasif@ymail.com
Kepada :	hayan@ymail.com
Subjek :	Hari Keusahawanan

Hayan,

Apa khabar? Semoga dalam keadaan sihat selalu.

Bagaimanakah dengan sambutan Hari Keusahawanan di sekolah awak baru-baru ini? Saya pasti sambutan tersebut berlangsung dengan meriah sekali. Saya begitu teruja ingin mengetahui pengalaman yang awak peroleh semasa membuat persiapan gerai dan aktiviti jual beli pada hari tersebut.

Saya menantikan balasan e-mel daripada awak.

Sahabatmu,
Hasif

Bahagian B**[70 markah]**

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Patriotisme ialah perasaan sayang dan hormat akan tanah air. Tindakan mengibarkan bendera kebanggaan, Jalur Gemilang ialah satu cara menzahirkan semangat patriotik. Selain itu, sikap menjaga kemudahan awam dengan baik dan memelihara alam sekitar juga merupakan tanggungjawab individu yang patriotik.

Sumber: www.hmetro.com.my

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai cara yang dapat anda lakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

Bincangkan.

2

Generasi muda sangat digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian yang kini menjadi satu perniagaan yang membawa pulangan lumayan. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu mempelbagaikan pameran pertanian seperti Pameran Pertanian Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) kerana usaha ini boleh dijadikan sebagai satu galakan.

Sumber: Internet

Pada pendapat anda, selain saranan yang dinyatakan dalam petikan, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk menggalakkan generasi muda menceburi bidang pertanian?

3

SHAH ALAM - Sikap kebanyakan generasi muda kini yang lebih gemar menjadi pengengaruh atau 'influencer' sehingga tidak berminat untuk menyambung pelajaran dikhuatiri membawa implikasi negatif seperti kekurangan tenaga pakar di dalam negara. Selain itu, populariti yang dibawa oleh pengengaruh tidak akan berkekalan dalam jangka masa panjang kerana ada lambakan dalam kerjaya tersebut pada masa akan datang.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Petikan di atas menunjukkan sebahagian daripada implikasi menceburi kerjaya sebagai seorang pengengaruh.

Jelaskan implikasi-implikasi menceburi kerjaya ini.

4

Dalam pemikiran segelintir rakyat Malaysia, kitar semula hanya terhad kepada tong kitar semula semata-mata. Namun, kitar semula ialah satu cara hidup yang berkait rapat dengan penerapan nilai-nilai murni. Amalan kitar semula harus menjadi sebahagian daripada rutin harian kita, sama ada pada peringkat pembelian, penggunaan mahupun pembuangan.

Sumber: Internet

Sebagai respons terhadap kandungan petikan di atas, bincangkan kebaikan-kebaikan amalan kitar semula.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT